

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' SERI TIONG KING SING
KAWASAN : BINTULU
TARIKH : 28 OKTOBER 2015, RABU

SOALAN:

YB. DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:

- (a) apakah perkembangan atau keputusan Kementerian berkenaan permohonan daripada Persatuan Pengangkutan Lori Sarawak berkenaan isu penyelarasan Berat Dengan Muatan (BDM) di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah & Sarawak yang telah dibangkitkan sebelum ini; dan
- (b) apakah kekangan yang dihadapi oleh pihak Kementerian dalam isu penyelarasan BDM yang masih belum diselesaikan.

JAWAPAN:

(a) dan (b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah menerima kertas cadangan berkaitan Jadual Kenaikan Had Berat Kenderaan daripada Kementerian Pengangkutan pada bulan Jun 2015 yang lalu.

Kertas cadangan tersebut antara lain ialah berkaitan cadangan semakan semula terhadap Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan) 1989, dan cadangan oleh Persatuan Pengangkutan Lori (PMLOA) Sarawak supaya berat had kenderaan perdagangan di Sarawak (maksimum 38 tan) diselaraskan sebagaimana di Semenanjung (maksimum 44 tan).

Mengenai cadangan semakan semula Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan) 1989, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa kini Kementerian Kerja Raya sedang menjalankan kajian mengenai semakan semula beban gandar kenderaan perdagangan di Semenanjung Malaysia. Kajian tersebut telah dimulakan pada bulan Ogos 2014 dan dijangka akan siap pada bulan Februari 2016 (18 bulan). Hasil kajian tersebut akan digunakan sebagai output untuk tujuan semakan semula warta Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan), 1989.

Untuk negeri Sabah pula, kajian telah siap dilaksanakan pada tahun 2011 dan mendapati terdapat 63 unit jambatan di Jalan Persekutuan di negeri tersebut yang perlu dinaikkan taraf sebelum pelarasan baru had muatan dapat dibuat. Manakala untuk negeri Sarawak pula, pelarasan baru akan diwartakan setelah keseluruhan projek Lebuh raya Pan Borneo Sarawak disiapkan. Ia mengambil kira faktor keselamatan pengguna di mana jambatan-jambatan lama perlu digantikan dengan jambatan baru yang lebih kukuh dalam skop projek Lebuh raya Pan Borneo.

Untuk jalan-jalan jalan negeri pula, ia terletak di bawah bidang kuasa setiap Kerajaan Negeri terlibat. Oleh itu kementerian ini memerlukan kerjasama daripada Kerajaan Negeri untuk memastikan program penggantian jambatan-jambatan lama diberikan keutamaan dalam program pembangunan di negeri mereka sebelum dapat meminda warta Perintah Sekatan Berat, 1989.

Sekian. Terima kasih.